



## "PERANAN DOA DALAM KEHIDUPAN MUSLIM"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكَ  
وَلَا يَضُرُّكَ ...

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ  
أَوْ صِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ  
تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan tuan-tuan sekalian, bertakwalah kepada Allah SWT. dengan sebenar-benar takwa, dengan mengerjakan segala suruhannya dan meninggalkan segala larangannya. Mudah-mudahan kita terus



beristiqamah diatas landasan yang hak, bagi kesejahteraan hidup didunia dan mendapat kebahagiaan diakhirat.

Marilah kita hayati khutbah hari ini yang bertajuk "**PERANAN DOA DALAM KEHIDUPAN MUSLIM**".

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Secara mudah doa dapat dertiakan sebagai permohonan atau permintaan kepada tuhan yang maha esa lagi maha berkuasa. Jika sesuatu permohonan atau permintaan datang daripada Allah SWT. kepada hamba-Nya ia disebut sebagai perintah suruhan supaya dituruti atau perintah larangan untuk dihinari. Seseorang yang edang berdoa kedudukannya lebih dekat dengan Allah SWT. kerana ketika berdoa seseorang itu akan meletakkan pergantungan dan keyakinan sepenuhnya kepada Allah SWT. yang mempunyai kuasa mutlak keatas segala-galanya. Selain memperkenankan doa, Allah SWT. juga akan member petunjuk kepada mereka yang sentiasa berdoa.

Firman Allah SWT. dalam surah al-Baqarah ayat 186:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أَجِيبُ دُعَوةَ الْدَّاعِ  
إِذَا دَعَانِ فَلَيَسْتَجِيبُوا لِي وَلَيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ  
**يَرْشُدُونَ**

"Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka) sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka). Aku memperkenankan permohonan orang yang berdoa



apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka mereka hendaklah menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku), dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya sentiasa berada dalam kebenaran”.

Allah SWT. memerintahkan hambanya agar sentiasa berdoa untuk faedah diri mereka sendiri. Allah SWT. akan memperkenankan doa setiap hamba-Nya, samada cepat atau lambat, samada ditunaikan didunia ini ataupun diakhirat nanti. Ini bergantung kepada kekuasaan dan kebijaksanaan Allah SWT. tanpa ada sebarang pengaruh, yang biasanya manusia tidak mengetahui hikmahnya dan tidak menyedari kepentingannya.

Firman Allah SWT. dalam surah al-Ghafir ayat 60:

وَقَالَ رَبُّكُمْ أَدْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الظِّنَّ  
يَسْتَكِبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدُّ خُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ



“Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sompong untuk beribadat dan berdosa kepada-ku akan masuk neraka jahannam dalam keadaan hina”.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Doa adalah satu cara hidup yang diajar oleh Rasulullah SAW. sebagai suatu ibadah, bahkan doa merupakan otak kepada ibadah.

Hadis daripada Anas RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda :



## الدُّعَاءُ مُخْبِرُ الْعِبَادَةِ.

"Doa adalah otak ibadah".

(Riwayat at-Tirmizi).

Ini bererti seorang yang berdoa akan beroleh pahala dari Allah SWT., selain mendapat apa yang didoanya. Oleh itu doa mestilah dilakukan dengan cara yang betul, samada masa senang atau susah dan suasana yang baik, tertib, ikhlas, khusyuk, penuh tawaduk dan hendaklah dilakukan dengan cara yang sesuai dengan tuntutan syarak. Tegasnya, doa tidak boleh dilakukan sebagai satu budaya atau adat semata-mata, lebih-lebih lagi jika bercanggah dengan kehendak syarak.

Doa mempunyai peranan besar dalam kehidupan seseorang muslim.

Hadis daripada Salman RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

لَا يُرْدِدُ الْقَضَاهُ إِلَّا بِالدُّعَاهُ .

"Takdir tidak tertolak kecuali dengan doa".

(Riwayat at-Tirmizi).

Takdir yang boleh diubah ialah takdir yang berada dalam kategori "muallaq" (tergantung). Oleh itu usaha seseorang, sama ada yang bersifat ibadah khusus seperti solat atau ibadah umum seperti melaksanakan pekerjaan harian perlu diiringi dengan doa. Dalam erti kata lain ia menyerahkan usahanya dan ibadahnya kepada Allah SWT. seperti yang diikrarkan setiap hari dalam doa iftitah ketika solat. Disamping berdoa ia perlu meletakkan harapan serta bertawakkal kepada Allah SWT. agar ibadahnya



diterima dan pekerjaannya berhasil. Berdoa juga perlu didahului dengan usaha yang terbaik dan bersungguh-sungguh.

Seorang penyair sufi ada menyebutkan,

لَا تَسْئِلْنَ بُنَيَّ أَدَمَ حَاجَةً \* وَسَلِ الَّذِي أَبْوَابُهُ لَا  
تُحْجَبُ  
اللَّهُ يَغْضَبُ إِنْ تَرَكْتَ سُؤَالَهُ \* وَبُنَيَّ أَدَمَ حِينَ  
يُسْأَلْ يَغْضَبُ

"Janganlah engkau meminta kepada sesama anak Adam, tetapi mintalah terus kepada Allah SWT. yang pintu-Nya tidak pernah ditutup. Allah SWT. murka kalau engkau engkau tinggalkan memohon kepada-Nya, sedang anak Adam marah kalau engkau selalu meminta kepadanya".

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Hadis daripada Ali RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

الدُّعَاءُ سِلَاحُ الْمُؤْمِنِينَ

"Doa adalah senjata atau pedang bagi orang-orang mukmin".

(Riwayat al-Hakim).

Justeru peranan doa tidak boleh diperkecilkan termasuk dalam usaha dakwah. Ia sebagai kaedah yang begitu ampuh dan mempunyai kekuatannya sendiri. Kaedah ini telah digunakan oleh Rasulullah SAW. apabila berhadapan dengan tentangan demi tentangan ketika menyampaikan



dakwahnya. Rasulullah SAW. telah berdoa agar salah seorang daripada dua Umar, iaitu Umar Bin al-Khattab dan Umar Bin Ibnu Hisyam (Abu Jahal) yang kedua-duanya merupakan ancaman dalam usaha dakwahnya, kerana mempunyai perwatakan yang keras dan tegas, agar dilembutkan hatinya untuk menerima Islam.

اللَّهُمَّ أَعْزِزِ الْإِسْلَامَ بِاحْدَى الْعُمَرَيْنِ،

"Ya Allah muliakanlah Islam (cahaya syiarnya) dengan Islamnya salah seorang daripada dua Umar.

Ternyata Umar Bin al-Khattab yang kemudiannya memeluk Islam telah menjadi aset besar kepada perjuangan baginda bagi mendaulatkan Islam dibumi Allah SWT. ini. Perkara ini dapat dilihat ketika beliau menerajui pemerintahan Islam, sebagai Khalifah ar-Rasyidin selepas Saidina Abu Bakar as-Siddiq.

Begitu juga apabila baginda menerima tampanan hebat, kerana dibaling batu ketika menjalankan dakwah ke Tha'if. Baginda telah menerima tawaran daripada malaikat untuk menimpakan bukit kepada penduduk Tha'if, bagaimanapun baginda menolak tawaran tersebut, sebaliknya memilih untuk mendoakan mereka:

اللَّهُمَّ اهْدِ قَوْمِي فَإِنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

" Ya Allah berilah hidayah kepada kaumku, kerana mereka adalah golongan yang tidak mengetahui (jahil).

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**



Hari ini kita berhadapan dengan pelbagai dugaan yang menggugat kesucian agama Islam, mencabar maruah umat Islam, termasuk daripada kalangan umat Islam sendiri. Justeru itu marilah kita sama-sama hidupkan amalan berdoa dengan lebih meluas lagi. Tukarlah budaya mencemuh dan membenci kepada budaya simpati serta mengharap melalui doa, seperti yang ditunjukkan oleh Baginda SAW.

Doa juga merupakan satu kaedah teguran kepada perbuatan kemungkaran.

Hadis daripada Abi Said al-Khudri bahawa Rasulullah SAW. bersabda bahawa :

مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُّنْكِرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلْسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فِي قَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.

"Sesiapa yang melihat berlakunya kemungkaran di kalangan kamu, hendaklah ia mencegahnya dengan kuasanya (jika ada) atau jika tiada, maka dengan nasihat dan jika tidak pun dengan hati (tidak redha dan mendoakan) dan yang demikian itu merupakan serendah-rendah iman".

(Riwayat Muslim).

Sesungguhnya tugas mencegah dengan tangan tidaklah mudah. Bermaksud, jika tidak kena cara, bukan sahaja tidak berkesan tetapi ia boleh mengakibatkan keadaan tidak harmoni. Oleh itu mencegah dengan tangan, lebih wajar dilakukan oleh pihak berkuasa, melalui pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang yang berkesan. Sementara mencegah



dengan lisan pula boleh dilakukan dengan mengajak dan memberi kefahaman secara berhemah.

Firman Allah SWT. dalam surah an-Nahl ayah 125:

أَدْعُ إِلَيْ سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ...

"Serulah kejalan tuhan-Mu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik".

Mencegah dengan lisan meliputi pekerjaan, penulisan atau tingkah laku (bahasa perbuatan). Yang paling mudah dan boleh dilakukan oleh semua orang ialah mencegah dengan hati secara berdoa. Ia lebih ikhlas, terutama jika dilakukan diwaktu-waktu dan tempat-tempat yang mustajab. Jika tidak mampu berdoa secara literal (literal) ia boleh dilakukan dengan mengaminkan doa, secara yang lebih beradab dan beretika serta memenuhi pra syaratnya.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Berdasarkan ayat al-Quran dan hadis yang dinyatakan tadi, marilah kita luangkan sedikit masa untuk berdoa kepada Allah SWT. Antaranya pada masa-masa seperti berikut :

1. Berdoa selepas menunaikan solat, sama ada solat fardhu atau sunat, kerana doa ketika itu lebih afdhal.
2. Dalam urusan harian, seperti memulakan perjalanan atau bermusafir, memulakan mesyuarat atau pengendalian majlis, pastikan ia dimulakan dengan membaca doa supaya pekerjaan dan urusannya diberkati Allah.



3. Jangan berdoa yang bertujuan untuk membinasakan atau mengkhianati seseorang, kerana hukumnya adalah berdosa.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا  
وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ

"Mereka merenggangkan diri mereka daripada tempat tidur, (kurangkan masa tidur, kerana mengerjakan sembahyang tahjjud dan amal-amal soleh); mereka sentiasa berdoa kepada tuhan mereka dengan perasaan takut (akan kemurkaannya) serta dengan perasaan ingin memperolehi (keredhaan-Nya); dan mereka selalu pula mendermakan sebahagian daripada apa yang kami telah berikan kepada mereka".".

(as-Sajadah : 61).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا  
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ،  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ،  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبعَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،  
إِتُّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ  
اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَاءُهَا الَّذِينَ  
ءَامَنُوا صَلَوَا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ



وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي  
الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ  
بَنَيْكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى  
وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَايَتِكَ  
الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَة  
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَّاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ  
الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ  
صَالَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ . اللَّهُمَّ  
أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَى وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلَى عَهْدِ سَلَّاعُورِ، تَغْكُو  
أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ



شَاهِ الْحَاجِ فِيْ أَمْنٍ وَصَالَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ  
وَكَرِيمَكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلنُّوَظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.  
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً. رَبَّنَا إَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَإِذْ كُرُوا إِلَهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَهِ، يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*  
JAIS/Nurul  
07.08.2014